

**Persepsi Guru-Guru Terhadap Kepimpinan Pengajaran Guru Penolong Kanan
Pentadbiran Semasa Guru Besar Mengikuti Program Khas Pensiswazahan Guru Besar
(PKPGB) Di Sebuah Sekolah Kebangsaan Di Daerah Johor Bahru**

Khadijah Binti Daud & Mohamed Noor Bin Basiron

Fakulti Pendidikan
Universiti Teknologi Malaysia

Abstrak : Kajian ini bertujuan untuk meninjau persepsi guru-guru terhadap kepimpinan pengajaran Guru Penolong Kanan Pentadbiran di sebuah sekolah kebangsaan di daerah Johor Bahru semasa Guru Besar mengikuti Program Khas Pensiswazahan Guru Besar (PKPGB). Soal selidik '*Principal Instruction Management Rating Scale*' (PIMRS) digunakan untuk meninjau tahap kepimpinan Guru Penolong Kanan Pentadbiran dalam melakukan fungsi kawal selia dan penetapan kualiti pengajaran (Dimensi 1), menjalinkan hubungan baik dengan staf (Dimensi 2) dan penyediaan sumber sokongan pengajaran dan pembelajaran (Dimensi 3). Seramai 61 orang guru telah dipilih sebagai responden kajian. Penganalisan data dilakukan melalui kaedah deskriptif dengan menggunakan program SPSS 15.0 for Windows berdasarkan nilai min, frekuensi dan peratus. Kajian rintis bagi tujuan ini telah dilakukan di SK. Taman Mutiara Rini, Johor Bahru, Johor untuk mengenalpasti kebolehpercayaan item. Bagi instrumen '*Principal Instruction Management Rating Scale*,' nilai pekali Alpha Cronbach $\alpha = 0.97$. Hasil kajian ini mendapati bahawa Guru Penolong Kanan Pentadbiran telah melakukan fungsi Dimensi 1 pada tahap Tinggi (nilai min 3.11), Dimensi 2 pada tahap Sederhana (nilai min 2.99) dan Dimensi 3 juga pada tahap Sederhana (nilai min 2.97). Berdasarkan kepada rumusan kajian, beberapa cadangan telah dikemukakan bagi membantu pihak berkaitan untuk meningkatkan kemampuan serta keupayaan kepimpinan pengajaran Guru Penolong Kanan Pentadbiran semasa Guru Besar mengikuti Program Khas Pensiswazahan Guru Besar (PKPGB). Kajian lanjutan untuk meningkatkan kemampuan serta keupayaan Guru Penolong Kanan Pentadbiran melaksanakan fungsi-fungsi kepimpinan pengajaran adalah perlu supaya ianya dapat membantu dalam pengurusan sekolah semasa Guru Besar mengikuti Program Khas Pensiswazahan Guru Besar (PKPGB).

Katakunci : persepsi guru, kepimpinan pengajaran, guru penolong kanan

Pengenalan

Masyarakat masa kini sering mengaitkan kejayaan sesebuah sekolah itu dengan pencapaian di dalam peperiksaan, khususnya UPSR bagi sekolah rendah manakala PMR, SPM dan STPM bagi sekolah menengah. Tuntutan masyarakat memaksa para guru khususnya pemimpin di sekolah melakukan pelbagai strategi untuk mencapai objektif yang telah ditetapkan. Fokus utama yang perlu dititikberatkan ialah dari segi pengurusan kurikulum (Normah, 2006).

Sebagai pemimpin pengajaran di sekolah, guru besar seharusnya melengkapkan diri dengan pelbagai kemahiran yang berkaitan dengan kurikulum serta seharusnya menjadi 'role model' kepada guru-guru dibawahnya. Menurut kajian yang dijalankan oleh Flath (1989) tentang kajian-kajian sekolah berkesan, beliau mendapati bahawa guru besar merupakan tunggak utama dalam menjana kepada keberkesanan sekolahnya (Normah, 2006).

Ini lebih ketara lagi apabila beliau dilantik secara rasmi oleh guru besar menjalankan tugas guru besar semasa guru besar menghadiri Program Khas Pensiswazahan Guru Besar (PKPGB) anjuran IAB dan UTM selama 3 tahun. Hal ini memerlukan kemahiran dalam

kepemimpinan pengajaran, komitmen dan daya ketahanan diri dari segi jasmani, rohani, mental dan emosi.

Kejayaan sesebuah sekolah banyak bergantung kepada bagaimana guru besar dapat mengamalkan gaya kepemimpinan yang berwibawa. Kepimpinan yang berwibawa meliputi memiliki pengetahuan yang meluas dalam aspek pengurusan sekolah. Ini termasuklah pengurusan pejabat, pengurusan kurikulum, perkembangan kakitangan, motivasi kepada guru-guru, pelajar-pelajar dan kakitangan sekolah, hubungan dengan luar sekolah serta berusaha meningkatkan prestasi sekolah (Kementerian Pendidikan Malaysia, 1998).

Pernyataan Masalah

Di sekolah tidak semua guru besar/GPK 1 mengamalkan kepemimpinan pengajaran yang berkesan. Kebanyakan mereka berfungsi sebagai pentadbir. Kurangnya peranan serta fungsi kepemimpinan pengajaran daripada guru besar/GPK 1 merupakan masalah utama yang dihadapi oleh kebanyakan sekolah dalam jangka masa yang panjang (Ramaiah, 1992). Kepimpinan pengajaran guru besar/GPK 1 adalah sangat penting kerana kepimpinan bercorak ini dapat menghasilkan pengajaran dan pembelajaran berkesan di kalangan para guru dan pelajar yang dapat menghasilkan prestasi akademik yang cemerlang (Weber, 1971; Brookover, et al. 1979; Hallinger dan Murphy 1985; Wiebes, 1991; Hallinger dan Heck, 1996; Johnson, et al. 2000). Ini bermaksud sekiranya guru besar/GPK 1 memainkan peranan yang berkesan sebagai pemimpin pengajaran ianya dapat mempengaruhi para guru mengamalkan pengajaran berkesan di bilik darjah. Hanya dengan pengajaran yang berkesan di bilik darjah pembelajaran di kalangan para pelajar akan berlaku secara berkesan (Abdul Shukur, 2000; Rowe, et al.1995 dan Van der Werf, 1997). Oleh itu pertalian antara kepimpinan pengajaran guru besar/GPK 1 dan amalan pengajaran guru yang berkesan di bilik darjah adalah sangat kuat dan akibatnya akan mempengaruhi pencapaian akademik para pelajar (Mohd Nor, 2004).

Permasalahan yang timbul sekarang ialah mengapakah prestasi akademik murid-murid dalam peperiksaan awam Ujian Penilaian Sekolah Rendah (UPSR) di sekolah yang dikaji merosot pada tahun 2006 dan 2007. Adakah GPK 1 yang guru besarnya mengikuti Program Khas Pensiswazahan Guru Besar (PKPGB) dapat memainkan peranan sebagai pengurus, pemimpin pengajaran serta tugas-tugas hakikinya sebagai GPK 1 dengan berkesan semasa guru besarnya berkursus? Penyelidik juga melihat kepada peningkatan atau penurunan peratus kelulusan UPSR selama 3 tahun berturut-turut (2005-2007). Guru besar sekolah tersebut telah menerima tawaran Kursus Dalam Perkhidmatan Program Khas Pensiswazahan Guru Besar (PKPGB) Mod Intensif, IAB-UTM Ambilan 1/2006 selama 3 tahun. Pada tahun 2006 beliau telah tiada di sekolah selama 76 hari manakala pada tahun 2007 pula selama 134 hari kerana menghadiri kuliah di UTM.

Kesimpulannya, kajian ini dijalankan untuk mengenal pasti tahap kepemimpinan pengajaran GPK 1 dan mengenal pasti samada terdapat perbezaan antara persepsi responden dari aspek demografi (jantina, bangsa, status perkahwinan dan kelulusan akademik tertinggi) dengan kepemimpinan pengajaran GPK 1 di sebuah sekolah kebangsaan di daerah Johor Bahru, semasa guru besarnya mengikuti Program Khas Pensiswazahan Guru Besar (PKPGB) Mod Intensif, IAB-UTM Ambilan 1/2006.

Objektif Kajian

Berdasarkan kepada permasalahan kajian yang telah dinyatakan, maka objektif kajian ini dijalankan adalah untuk :

- a. mengenal pasti tahap kepimpinan pengajaran GPK 1 dimensi kawalan selia dan penetapan kualiti pengajaran, menjalinkan hubungan baik dengan staf dan penyediaan sumber sokongan pengajaran dan pembelajaran.
- b. mengenal pasti samada terdapat perbezaan yang signifikan antara persepsi responden dari aspek demografi (jantina, bangsa, status perkahwinan dan kelulusan akademik tertinggi) dengan kepimpinan pengajaran GPK 1 (dimensi kawalan selia dan penetapan kualiti pengajaran, menjalinkan hubungan baik dengan staf dan penyediaan sumber sokongan pengajaran dan pembelajaran).

Keputusan Kajian

Kajian ini dijangkakan dapat memberi beberapa impak positif kepada individu, pusat pengajian tinggi, masyarakat dan negara. Antara kepentingan kajian ialah :

Keputusan Kepada Individu

Dapatan daripada kajian ini diharapkan dapat membantu GPK 1 yang menjalankan tugas guru besar semasa ketiadaan guru besar di sekolah menilai kepimpinan pengajarannya samada berkesan atau tidak untuk meningkatkan keberkesanan sekolah dari aspek pencapaian akademik.

Maklumat dan hasil kajian ini dapat membantu pendidik-pendidik mengetahui tentang kepentingan kepimpinan pengajaran di sekolah. Guru-guru yang berminat dalam bidang ini dapat meningkatkan kesedaran tentang pengetahuan dan kemahiran yang perlu ada dalam menjadi seorang pemimpin yang berkesan. Ini dapat memberi peluang kepada mereka untuk menimba ilmu pengetahuan ini sebelum dilantik menjadi seorang pemimpin sekolah. Hasil kajian ini juga dapat membantu guru-guru lain sedar akan kepentingan kepimpinan pengajaran yang dapat melahirkan kecemerlangan pendidikan dan cuba bekerjasama dengan pihak pentadbir sekolah untuk menjadikan sekolah berkesan dari segi pencapaian akademik. Individu juga dapat membuat refleksi sendiri tentang kepimpinan pengajaran yang diamalkan oleh pemimpin di sekolahnya. Dengan yang demikian, diharapkan GPK 1 yang menjalankan tugas guru besar semasa ketiadaan guru besar di sekolah sedar tentang pentingnya mengamalkan kepimpinan pengajaran dengan cemerlang sebelum dilantik menjadi pentadbir sekolah dan boleh membuat persediaan yang rapi. Kajian ini juga boleh dijadikan sebagai bahan rujukan kepada penyelidik lain yang membuat kajian dalam bidang kepimpinan pendidikan.

Keputusan Terhadap Organisasi Pendidikan

Dapatan ini juga dapat membantu pihak Jabatan Pelajaran Negeri, Pejabat Pelajaran Bahagian dan Pejabat Pelajaran Daerah, khususnya di Johor Bahru untuk mengkaji semula kriteria-kriteria perlantikan guru-guru penolong kanan ke jawatan guru besar di sekolah rendah supaya kehadiran mereka di sekolah dapat dijadikan teladan atau '*role model*' dan boleh memotivasikan lagi pembangunan modal insane yang ada di sekolah selaras dengan teras ke-dua dalam pelaksanaan Pelan Induk Pembangunan Pendidikan (PIPP) oleh pihak kerajaan iaitu Membangunkan Modal Insan.

Dapatan kajian juga boleh membantu pihak Jabatan Pelajaran Negeri, Pejabat Pelajaran Bahagian dan Pejabat Pelajaran Daerah untuk merancang kursus kepimpinan bukan sahaja untuk guru besar tetapi juga untuk GPK 1 sekolah rendah demi meningkatkan keberkesanan sekolah, terutamanya di dalam bidang akademik seiring dengan teras ke-tiga dalam pelaksanaan Pelan Induk Pembangunan Pendidikan (PIPP) oleh pihak kerajaan iaitu Memperkasakan Sekolah Kebangsaan.

Keputusan Terhadap Masyarakat dan Negara

Dengan mengamalkan kepimpinan pengajaran yang cemerlang di kalangan GPK 1 yang menjalankan tugas guru besar semasa ketiadaan guru besar di sekolah, maka dapatlah kita melahirkan GPK 1 yang mempunyai kepimpinan pendidikan yang cemerlang di mana ianya dapat membantu melahirkan sekolah berkesan dari segi pencapaian akademik. Pentadbir yang mempunyai kesedaran kepimpinan yang tinggi dapat melicinkan pentadbiran di sekolah dan mereka dapat berfungsi dengan berkesan dalam proses pengajaran dan pembelajaran. Kesemua ini dapat melahirkan modal insan yang seimbang dari segi jasmani, emosi, rohani, intelek dan sosial.

Reka bentuk kajian

Kajian ini dijalankan ke atas guru-guru di sebuah sekolah kebangsaan di dalam daerah Johor Bahru di mana guru besarnya sedang mengikuti Program Khas Pensiswazahan Guru Besar (PKPGB) Mod Intensif, IAB-UTM Ambilan 1/2006. Ianya adalah berbentuk kuantitatif sebagai alat digunakan untuk mengumpulkan maklumat.

Menurut Atan Long (1982), kaedah soal selidik ini adalah untuk mendapatkan data tentang tingkahlaku perkembangan kanak-kanak melalui soalan-soalan yang disediakan secara bertulis yang dikemukakan kepada seseorang untuk mendapatkan keterangan atau kenyataan tentang sesuatu.

Populasi Dan Sampel Kajian

Jadual 1 : Bilangan Guru Yang Menjadi Responden Di Sekolah Yang Dikaji

GURU	GRED DGA 20	GRED DGA 32 TIME BASED	GRED DGA 32 HAKIKI (GPK)	GRED DG 41	JUMLAH
LELAKI	10	3	-	5	18
PEREMPUAN	11	16	4	20	51
JUMLAH BESAR	21	19	4	25	69

Jadual 2 : Analisis Keputusan UPSR 2005 – 2007 Di Sekolah Yang Dikaji

TAHUN	BIL. AMBIL	MENGUASAI		SELISIH (+/-)
		BIL.	%	
2005	235	191	81.3	
2006	210	170	81.0	(-0.3)
2007	213	153	71.83	(-9.17)
2007(JB)	7106	5306	74.67	(-2.84)

Jadual 1 menunjukkan subjek kajian yang terdiri daripada semua guru dan GPK kecuali GPK 1 dari sebuah sekolah yang dipilih di dalam daerah Johor Bahru, Johor yang guru besarnya mengikuti Program Khas Pensiswazahan Guru Besar (PKPGB) Mod Intensif, IAB-UTM Ambilan 1/2006. Sasaran kajian pula ialah GPK 1 di sekolah tersebut. Bilangan populasi adalah

seramai 69 orang. Kesemua guru dan GPK kecuali GPK 1 di sekolah tersebut akan dijadikan responden dalam kajian ini.

Jadual 2 menunjukkan analisis keputusan UPSR bagi Tahun 2005 – 2007 bagi sebuah sekolah di dalam daerah Johor Bahru, Johor yang dikeluarkan oleh pihak Pejabat Pelajaran Daerah Johor Bahru. Peratus kelulusan (menguasai) pada tahun 2006 (81.0%) menurun sebanyak 0.3% jika dibandingkan dengan peratus kelulusan (menguasai) pada tahun 2005 (81.3%) manakala peratus kelulusan (menguasai) pada tahun 2007 (71.83%) menurun lagi sebanyak 9.17% jika dibandingkan dengan peratus kelulusan (menguasai) pada tahun 2006 (81.0%). Peratus kelulusan (menguasai) pada tahun 2007 (71.83%) adalah di bawah peratus kelulusan (menguasai) peringkat daerah Johor Bahru (74.67%) iaitu pengurangan sebanyak 2.84%.

Instrumen Kajian

Penyelidik akan menggunakan instrumen soal selidik untuk mengumpul data kuantitatif tentang persepsi guru-guru penolong kanan kecuali GPK 1 dan guru-guru biasa di sekolah tersebut mengenai pengaruh kepemimpinan pengajaran GPK 1 terhadap prestasi akademik murid-murid semasa guru besar mereka mengikuti Program Khas Pensiswazahan Guru Besar (PKPGB). Instrumen soal selidik merupakan alat ukur yang digunakan di dalam penyelidikan pendidikan (Mohd. Majid, 1993).

Kerling (1993) mentakrifkan penyelidikan sebagai satu usaha menganalisis data melalui kaedah saintifik secara formal dan sistematik bagi tujuan menjawab persoalan tertentu.

Penyelidik menggunakan soal selidik yang diambil dari kajian Zulkafli (2000). Beliau telah menggunakan soal selidik "*Principal Instructional Management Rating Scale*" (PIMRS) yang direkabentuk oleh Hallinger dan Murphy (1987) yang mana alat ini telah diuji kesahan dan kebolehpercayaannya, malah telah banyak diguna pakai oleh penyelidik-penyelidik terdahulu. Bahagian A merupakan pernyataan yang ditumpukan kepada latar belakang responden. Bahagian B pula difokuskan kepada tiga dimensi yang mengandungi sepuluh subskala fungsi kepemimpinan pengajaran GPK 1. Bahagian ini mengukur kekerapan GPK 1 melakukan fungsi-fungsi kepemimpinan pengajaran mengikut persepsi guru-guru penolong kanan dan guru-guru biasa.

Kajian Rintis

Sebelum kajian sebenar dijalankan, penyelidik telah melakukan satu kajian rintis yang bertujuan untuk mengenal pasti kesahan dan kebolehpercayaan soal selidik. Ianya juga bertujuan untuk mengetahui setiap perkataan yang digunakan dalam soal selidik mempunyai maksud yang jelas dan dapat difahami dengan baik oleh responden.

Bagi tujuan tersebut, kajian rintis telah dijalankan di SK. Taman Mutiara Rini, Johor Bahru, Johor di mana guru besarnya juga sedang mengikuti Program Khas Pensiswazahan Guru Besar (PKPGB) Mod Intensif, IAB-UTM Ambilan 1/2006. Seramai 10 orang guru telah dipilih secara rawak untuk dijadikan responden bagi kajian rintis ini.

Analisis Data

Keputusan analisis daripada Jadual 3 menunjukkan bahawa faktor jantina responden didapati tiada perbezaan yang signifikan dengan persepsi responden terhadap Dimensi 1 kepemimpinan pengajaran GPK 1 di mana nilai $p = 0.548 > \alpha 0.05$, Dimensi 2 kepemimpinan pengajaran GPK 1 di mana nilai $p = 0.264 > \alpha 0.05$ dan Dimensi 3 kepemimpinan pengajaran GPK 1 di mana nilai $p = 0.337 > \alpha 0.05$. Bagi keseluruhan dimensi kepemimpinan pengajaran GPK 1 juga tidak terdapat perbezaan yang signifikan di antara faktor jantina di mana nilai $p = 0.348 > \alpha$

0.05. Ini menunjukkan bahawa faktor jantina tidak mempengaruhi persepsi responden terhadap kepimpinan pengajaran GPK 1 di sekolah tersebut.

Jadual 3 : Keputusan Ujian-t – Perbezaan Min Kepimpinan Pengajaran GPK 1 Antara Responden Lelaki Dan Perempuan

Dimensi	Jantina	Bil	Min	Sisihan Piawai	Df	t	Signifikan p
Dimensi 1	Lelaki	16	3.172	0.304	59	0.604	0.548
	Perempuan	45	3.094	0.478			
Dimensi 2	Lelaki	16	3.121	0.463	59	1.127	0.264
	Perempuan	45	2.950	0.541			
Dimensi 3	Lelaki	16	3.062	0.408	59	0.967	0.337
	Perempuan	45	2.939	0.447			
Semua	Lelaki	16	3.124	0.357	59	0.945	0.348
	Perempuan	45	3.004	0.457			

Jadual 4 : Keputusan Anova Sehalu – Perbezaan Min Kepimpinan Pengajaran GPK 1 Berdasarkan Bangsa

		df	Min	F	Signifikan
Dimensi 1	Antara Kumpulan	3	.118	.606	.614
	Dalam Kumpulan	57	.196		
	Jumlah	60			
Dimensi 2	Antara Kumpulan	3	.398	1.490	.227
	Dalam Kumpulan	57	.267		
	Jumlah	60			
Dimensi 3	Antara Kumpulan	3	.235	1.243	.303
	Dalam Kumpulan	57	.189		
	Jumlah	60			
Semua	Antara Kumpulan	3	.164	.868	.463
	Dalam Kumpulan	57	.189		
	Jumlah	60			

Keputusan analisis yang ditunjukkan oleh Jadual 4, menunjukkan bahawa tidak terdapat perbezaan yang signifikan di antara faktor bangsa responden dengan persepsi responden terhadap Dimensi 1 kepimpinan pengajaran GPK 1 di mana nilai $p = 0.614 > \alpha 0.05$, Dimensi 2 kepimpinan pengajaran GPK 1 di mana nilai $p = 0.227 > \alpha 0.05$ dan Dimensi 3 kepimpinan pengajaran GPK 1 di mana nilai $p = 0.303 > \alpha 0.05$. Bagi keseluruhan dimensi kepimpinan pengajaran GPK 1 juga tidak terdapat perbezaan yang signifikan di antara faktor bangsa di mana nilai $p = 0.463 > \alpha 0.05$. Ini menunjukkan bahawa faktor bangsa tidak mempengaruhi persepsi responden terhadap kepimpinan pengajaran GPK 1 di sekolah tersebut.

Jadual 5 : Keputusan Ujian-t – Perbezaan Min Kepimpinan Pengajaran GPK 1 Antara Responden Berkahwin Dan Belum Berkahwin

Dimensi	Status Perkahwinan	Bil	Min	Sisihan Piawai	Df	t	Signifikan p
Dimensi 1	Berkahwin	52	3.151	0.440	59	1.571	0.122
	Belum Berkahwin	9	2.906	0.384			
Dimensi 2	Berkahwin	52	3.032	0.506	59	1.355	0.180
	Belum Berkahwin	9	2.778	0.602			
Dimensi 3	Berkahwin	52	3.006	0.435	59	1.510	0.136
	Belum Berkahwin	9	2.770	0.422			
Semua	Berkahwin	52	3.072	0.435	59	1.587	0.118
	Belum Berkahwin	9	2.827	0.383			

Keputusan analisis yang ditunjukkan oleh Jadual 5, menunjukkan bahawa tidak terdapat perbezaan yang signifikan di antara faktor status perkahwinan responden dengan persepsi responden terhadap Dimensi 1 kepimpinan pengajaran GPK 1 di mana nilai $p = 0.122 > \alpha 0.05$, Dimensi 2 kepimpinan pengajaran GPK 1 di mana nilai $p = 0.180 > \alpha 0.05$ dan Dimensi 3 kepimpinan pengajaran GPK 1 di mana nilai $p = 0.136 > \alpha 0.05$. Bagi keseluruhan dimensi kepimpinan pengajaran GPK 1 juga tidak terdapat perbezaan yang signifikan di antara faktor status perkahwinan responden di mana nilai $p = 0.118 > \alpha 0.05$. Ini menunjukkan bahawa faktor status perkahwinan tidak mempengaruhi persepsi responden terhadap kepimpinan pengajaran GPK 1 di sekolah tersebut.

Jadual 6 : Keputusan Anova Sehalu – Perbezaan Min Kepimpinan Pengajaran GPK 1 Berdasarkan Kelulusan Akademik Tertinggi

		df	Min	F	Signifikan
Dimensi 1	Antara Kumpulan	3	.069	.346	.792
	Dalam Kumpulan	57	.198		
	Jumlah	60			
Dimensi 2	Antara Kumpulan	3	.034	.117	.950
	Dalam Kumpulan	57	.286		
	Jumlah	60			
Dimensi 3	Antara Kumpulan	3	.026	.128	.943
	Dalam Kumpulan	57	.200		
	Jumlah	60			
Semua	Antara Kumpulan	3	.015	.076	.973
	Dalam Kumpulan	57	.197		
	Jumlah	60			

Keputusan analisis yang ditunjukkan oleh Jadual 6, menunjukkan bahawa tidak terdapat perbezaan yang signifikan di antara faktor kelulusan akademik tertinggi responden dengan persepsi responden terhadap Dimensi 1 kepimpinan pengajaran GPK 1 di mana nilai $p = 0.792 >$

α 0.05, Dimensi 2 di mana nilai $p = 0.950 > \alpha$ 0.05 dan Dimensi 3 di mana nilai $p = 0.943 > \alpha$ 0.05. Bagi keseluruhan dimensi kepemimpinan pengajaran GPK 1 juga tidak terdapat perbezaan yang signifikan di antara faktor kelulusan akademik tertinggi responden di mana nilai $p = 0.973 > \alpha$ 0.05. Ini menunjukkan bahawa faktor kelulusan akademik tertinggi tidak mempengaruhi persepsi responden terhadap kepemimpinan pengajaran GPK 1 di sekolah tersebut.

Perbincangan

Kajian ini menggunakan kaedah statistik inferensi untuk mengenal pasti sama ada terdapat perbezaan persepsi responden berdasarkan demografi terhadap kepemimpinan pengajaran GPK 1 mereka semasa guru besarnya mengikuti Program Khas Pensiswazahan Guru Besar (PKPGB). Berdasarkan Ujian-t, kajian mendapati bahawa faktor jantina responden didapati tiada perbezaan yang signifikan dengan persepsi responden terhadap Dimensi 1 kepemimpinan pengajaran GPK 1 di mana nilai $p = 0.548 > \alpha$ 0.05, Dimensi 2 kepemimpinan pengajaran GPK 1 di mana nilai $p = 0.264 > \alpha$ 0.05 dan Dimensi 3 kepemimpinan pengajaran GPK 1 di mana nilai $p = 0.337 > \alpha$ 0.05. Bagi keseluruhan dimensi kepemimpinan pengajaran GPK 1 juga tidak terdapat perbezaan yang signifikan di antara faktor jantina responden dengan kepemimpinan pengajaran GPK 1 di mana nilai $p = 0.348 > \alpha$ 0.05. Ini menunjukkan bahawa faktor jantina tidak mempengaruhi persepsi responden terhadap kepemimpinan pengajaran GPK 1 di sekolah tersebut semasa guru besarnya mengikuti Program Khas Pensiswazahan Guru Besar (PKPGB).

Berdasarkan analisis Anova Sehalu, kajian mendapati bahawa tidak terdapat perbezaan yang signifikan di antara faktor bangsa responden dengan persepsi responden terhadap Dimensi 1 kepemimpinan pengajaran GPK 1 di mana nilai $p = 0.614 > \alpha$ 0.05, Dimensi 2 kepemimpinan pengajaran GPK 1 di mana nilai $p = 0.227 > \alpha$ 0.05 dan Dimensi 3 kepemimpinan pengajaran GPK 1 di mana nilai $p = 0.303 > \alpha$ 0.05. Bagi keseluruhan dimensi kepemimpinan pengajaran GPK 1 juga tidak terdapat perbezaan yang signifikan di antara faktor bangsa dengan kepemimpinan pengajaran GPK 1 di mana nilai $p = 0.463 > \alpha$ 0.05. Ini menunjukkan bahawa faktor bangsa tidak mempengaruhi persepsi responden terhadap kepemimpinan pengajaran GPK 1 di sekolah tersebut semasa guru besarnya mengikuti Program Khas Pensiswazahan Guru Besar (PKPGB).

Berdasarkan Ujian-t, kajian mendapati bahawa tidak terdapat perbezaan yang signifikan di antara faktor status perkahwinan responden dengan persepsi responden terhadap Dimensi 1 kepemimpinan pengajaran GPK 1 di mana nilai $p = 0.122 > \alpha$ 0.05, Dimensi 2 kepemimpinan pengajaran GPK 1 di mana nilai $p = 0.180 > \alpha$ 0.05 dan Dimensi 3 kepemimpinan pengajaran GPK 1 di mana nilai $p = 0.136 > \alpha$ 0.05. Bagi keseluruhan dimensi kepemimpinan pengajaran GPK 1 juga tidak terdapat perbezaan yang signifikan di antara faktor status perkahwinan responden dengan kepemimpinan pengajaran GPK 1 di mana nilai $p = 0.118 > \alpha$ 0.05. Ini menunjukkan bahawa faktor status perkahwinan tidak mempengaruhi persepsi responden terhadap kepemimpinan pengajaran GPK 1 di sekolah tersebut semasa guru besarnya mengikuti Program Khas Pensiswazahan Guru Besar (PKPGB).

Berdasarkan analisis Anova Sehalu, kajian mendapati bahawa tidak terdapat perbezaan yang signifikan di antara faktor kelulusan akademik tertinggi responden dengan persepsi responden terhadap Dimensi 1 kepemimpinan pengajaran GPK 1 di mana nilai $p = 0.792 > \alpha$ 0.05, Dimensi 2 di mana nilai $p = 0.950 > \alpha$ 0.05 dan Dimensi 3 di mana nilai $p = 0.943 > \alpha$ 0.05. Bagi keseluruhan dimensi kepemimpinan pengajaran GPK 1 juga tidak terdapat perbezaan yang signifikan di antara faktor kelulusan akademik tertinggi responden dengan kepemimpinan pengajaran GPK 1 di mana nilai $p = 0.973 > \alpha$ 0.05. Ini menunjukkan bahawa faktor kelulusan akademik tertinggi tidak mempengaruhi persepsi responden terhadap kepemimpinan pengajaran

GPK 1 di sekolah tersebut semasa guru besarnya mengikuti Program Khas Pensiswazahan Guru Besar (PKPGB).

Rujukan

- Azmi Zakaria, Fatimah Mohamad dan Quek, Bong Cheang (1998). Indikator Kepimpinan Cemerlang: Satu Analisis Pengurusan. *Jurnal Pengurusan Pendidikan*. 05(01): 14 – 26.
- Bahagian Perancangan dan Penyelidikan. (1985). *Kajian Mengenai Beban Tugas Pengetua, Penolong Kanan dan Penyelia Petang*. Kuala Lumpur: Kementerian Pendidikan Malaysia.
- Cooper, L.A. (1989). The principal as Instructional Leader. *Principal*. 68(3): 13 – 16.
- Drake, T.L. and Roe, W.H. (1986). *The Principalship*. 3rd ed. New York: Macmillan Publishing Company.
- Ee Ah Meng (1995). *Pendidikan Sebagai Suatu Proses Asas Pendidikan 1*. Shah Alam: Fajar Bakti Sdn. Bhd.
- Fiedler, F.E and Chemers, M.M. (1974). *Leadership and Effective Management*. Glenview III: Scout, Foresman and Co.
- Greenfield, W. (1987). *Instructional Leadership: Concepts, Issues And Controversies*. Newton, Mass: Allyn and Bacon, Inc.
- Hussein Mahmood (1993). *Kepimpinan Dan Keberkesanan Sekolah*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Ibrahim Ahmad Bajunid (1995). Amalan Dan Cabaran Pengurusan Pendidikan Di Malaysia, Satu Tinjauan Kritikal. *Jurnal Pengurusan Pendidikan*. 05(01) : 01 – 15.
- Jaafar Muhamad (1999). *Kelakuan Organisasi*. 3rd ed. Kuala Lumpur: Leeds Publication.
- Kroeze, D.J. (1983). Effective Principals as Instructional Leader: Now Direction for Research. *Administrators Notebook*, 30(a): 1-4
- Lipham, J.M., Rankin, R.E. and Hoeh, J.A. Jr. (1985). *The Principalship Concepts, Competencies and Cases*. New York: Longman.
- Normah Daud (2006). Kepimpinan Instruksional Sebagai Pembudaya Kecemerlangan. *Dlm. Seminar Keb. Kepimpinan Instruksional Ke-2*, Kedah, Institut Aminuddin Baki Utara.
- Okeafor, K.R. and Frere, R.M. (1992). Adminstrators' Confidence in Teachers, Leader Consideration and Coupling in Schools. *Journal of Research And Development In Education*. 25(4): 201 -211.
- Peterson. K.D. (1978). The Principal's Tasks. *Administrator's Notebook*. 26(8): 1–4.
- Rahimah Ahmad (1990). School Management In Malaysia: State of The Art. *South East Asia Research Review and Advisory Group Penang*: Malaysia.
- Stronge, J.H. (1988). A position in transition? *Principal*. 67(5): 32 – 33.
- Tan Soo Hooi. (2003). *Kajian Gaya Kepimpinan Pengetua-Pengetua Sekolah Dengan Keberkesanan Sekolah Di Sekolah-Sekolah Menengah Dalam Daerah Johor Bahru, Johor*. Tesis Ijazah Sarjana, Universiti Teknologi Malaysia, Skudai.
- Ubben, G.C and Hughes, L.W. (1987). *The Principal: Creative Leadership for Effective School*. New York: Allyn & Bacon.
- Vandenbergh, R. (1992). The Changing Role of Principals in Primary and Secondary School in Belgium. *Journal of Educational Administration*. 30(3).
- Yulk, G.A. (1989). *Leader In Organization*. 2nd.ed. New Jersey: Prentice Hall, Inc.
- Zaidatun Tasir dan Mohd Salleh Abu (2003). *Analisis Data Berkomputer SPSS 11.5 for Windows*. Kuala Lumpur: Venton Publishing.